



## Dahulu ada seorang lelaki yang sering memberi hutang kepada orang ramai. Dia biasa berkata kepada pembantunya: "Jika engkau datang kepada seorang penghutang yang dalam kesempitan, maka berilah kelonggaran kepadanya, semoga Allah memaafkan kita"

Daripada Abu Hurairah رضي الله عنه, bahawa Rasulullah صلى الله عليه وسلم bersabda: "Dahulu ada seorang lelaki yang sering memberi hutang kepada orang ramai. Dia biasa berkata kepada pembantunya: "Jika engkau datang kepada seorang penghutang yang dalam kesempitan, maka berilah kelonggaran kepadanya, semoga Allah memaafkan kita, lalu ketika dia bertemu Allah, Allah pun memaafkannya»."

[صحيح] [متفق عليه]

Nabi ﷺ mengkhabarkan: mengenai seorang lelaki yang memberi pinjaman kepada orang ramai, atau menjual kepada mereka secara hutang," Nabi ﷺ juga berpesan kepada pembantunya yang menagih hutang daripada orang ramai: Apabila kamu mendatangi seorang yang berhutang, dan dia tidak memiliki apa-apa untuk melunaskan hutangnya kerana ketidakmampuannya, "maka bertolak ansurlah dengannya"; iaitu dengan memberinya tempoh dan tidak mendesak dalam menuntutnya, atau dengan menerima apa yang ada padanya walaupun dengan kekurangannya, yang demikian itu adalah kerana keinginan dan harapan agar Allah memaafkannya dan mengampuninya, Maka apabila beliau wafat, semoga Allah memaafkannya dan mengampunkan dosa-dosanya.

<https://www.sunnah.global/hadeeth/ms/show/3753>

